

Rumah terbuka di luar negara tetap meriah

Perantau beramai-ramai kunjungi kediaman kenalan sepanjang Syawal

MERAIKAN Aidilfitri di rantau orang tidaklah semeriah berhari raya di tanah air tercinta, tetapi tidak kurang juga kecohnya apabila semua berkumpul dan menghadap juadah raya Malaysia yang enak-enak.

Di tempat penulis di Stoke-on-Trent, United Kingdom, khususnya, hanya ada sembilan keluarga Islam dari Malaysia yang hampir kesemuanya menetap di sini kerana menyambung pengajian. Ahli keluarga yang turut menemani ayah atau ibu, suami atau isteri yang menuntut ilmu masing-masing terpaksa berhijrah dari tanah air tercinta buat sementara waktu.

Ia bukanlah satu keputusan mudah, tetapi kerana tuntutan untuk mencari ilmu, mereka sanggup berkorban, termasuk tidak berada di sisi keluarga yang tercinta di pagi Aidilfitri. Pada Hari Raya pertama contohnya yang jatuh pada hari Ahad, sama seperti di Malaysia, golongan lelaki menunaikan solat sunat Aidilfitri di masjid berdekatan, manakala wanita pula sibuk menguruskan anak-anak dan juadah yang akan dihidangkan kepada tetamu yang akan datang.

Tidak banyak masjid di tempat tinggal penulis yang mengizinkan jemaah wanita ke masjid. Kalau ada pun, ia agak jauh dan tidak begitu sesuai untuk jemaah kecil, tidak seperti di Malaysia. Sebab itulah untuk menambahkan amal dan menimbulkan kemeriahan di ambang Aidilfitri, kami berhimpun pada malam raya di salah sebuah rumah di sini untuk bertakbir sementara menunggu pagi Hari Raya.

Tempat yang kecil dan bersesak tidak langsung menjadi halangan, malah itulah yang mengeratkan lagi silaturahim dan menambatkan sikap bertolak ansur sesama insan. Selesai solat sunat Aidilfitri, kami



TRADISI rumah terbuka memeriahkan suasana sambutan Aidilfitri.

mula berziarah dari rumah ke rumah mengikut masa ditetapkan.

Tetamu akan mengunjungi sebuah rumah pada satu masa secara serentak, dan setelah selesai, tetamu akan bergerak menuju ke rumah lain pula termasuk tuan rumah yang sudah selesai gilirannya. Ini adalah kerana jumlah kami tidak ramai, jadi setiap keluarga perlu mengambil kesempatan ini untuk meneruskan rumah sahabat yang lain.

Mengenai hidangan pula, nasi impit, kuah kacang, lontong, rendang ayam, nasi beriani kambing, dalca, ayam masak merah, mi kari, laksa, pulut kuning dan pelbagai jenis biskut dan halwa bukanlah asing bagi kami di sini. Malah se-

panjang Ramadan juga itulah yang menjadi santapan berbuka puasa di samping juadah yang mudah seperti ayam goreng, piza, kentang goreng dan buah-buahan.

Kebetulan Hari Raya tahun ini jatuh pada hari Ahad, maka sambutan agak meriah, kerana jika hari raya disambut pada hari berkerja, sambutan akan dibuat pada hari minggu berikutnya. Maklumlah, ada yang berkerja, menghadiri kuliah dan anak-anak pula bersekolah dan kami di sini tiada cuti umum untuk perayaan umat Islam.

Pernah berlaku, sewaktu penulis menjamah hidangan tengah hari ketika menghadiri kursus induksi untuk pelajar antarabangsa di uni-

versiti tempat penulis belajar yang kebetulan bersempena hari pertama Aidilfitri, ada teman penulis beragama Islam yang masih berpuasa kerana tidak mendapat maklumat tarikh sebenar Aidilfitri.

Mereka akhirnya 'berbuka puasa' dan kami berhari raya sekejap sewaktu makan tengah hari sebelum memasuki dewan untuk menyambung kursus. Yang menariknya juga, amalan mengadakan rumah terbuka tetap diteruskan walaupun berada di rantau orang. Majlis yang selalunya diadakan pada hujung minggu akan berakhir apabila berakhirnya Syawal.

Jadi, setiap tuan rumah akan menetapkan tarikh lebih awal untuk mengelak pertembungan antara sa-

tu sama lain. Maklumlah, jemputan bukan saja daripada kalangan keluarga Islam di Stoke-on-Trent, malah juga dari Birmingham, Manchester, Leicester, London, Leeds, Nottingham dan pelbagai lagi.

Inilah antara peluang yang ada buat warga Malaysia menziarahi teman yang jauh dan dekat tanpa mengganggu komitmen mereka terhadap pengajian kerana lazimnya sepanjang Syawal, penuntut di sini seboleh mungkin cuba meluahkan masa untuk mengunjungi teman-teman.

Tuan rumah pula dengan murah hati menerima tetamu, malah ada yang tidak dikenali, tetapi rumpun agama menemukan semuanya. Dalam Islam, memuliakan tetamu adalah amal mulia yang disenangi dan menjadi kewajipan bagi setiap Muslim.

Menyadari hakikat itulah, amalan menjamu tetamu dengan juadah semampunya sudah menjadi rutin umat Islam di sini, apatah lagi tetamu yang berziarah sepanjang Syawal ini. Yang tidak ada di United Kingdom ialah amalan 'balik kampung' untuk berhari raya.

Masing-masing beraya di rumah sendiri dan melakukan persiapan dengan dibantu oleh ahli keluarga yang ada. Cuma ada sebilangan kecil yang terbang pulang ke tanah air untuk meraikan Aidilfitri bersama sanak-saudara. Yang pasti, keindahan Aidilfitri tetap terasa di mana-mana, di tempat umat Islam berada, cuma caranya saja yang tidak sama.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)